



Kembara UMP

bertemu masyarakat Chemomoi



Seramai 36 mahasiswa termasuk lapan pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Kembara UMP 2013 anjuran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Chemomoi dan UMP untuk mendekati masyarakat dan komuniti di Felda Chemomoi, Triang selama tiga hari bersama masyarakat Felda pada 24 Oktober 2013 yang lalu.

Antara program termasuklah Program Keluarga Angkat, Kem English, Kem Matematik dan Sains, Forum Bicara Adden, Program Chemomoi Dekat Di Hati dan pameran bagi memperkenalkan serta mempromosikan universiti.

Ketibaan rombongan mahasiswa UMP disambut oleh Pengurus Felda Chemomoi, Ahmad Kamal Hussain, dan Pengerusi KRT Felda Chemomoi, Abdul Ghani Taib bersama masyarakat kampung dengan sambutan yang cukup meriah termasuk kehadiran seramai 20 dalam kalangan ibu dan ayah angkat yang hadir bersama ahli keluarga masing-masing.

Aktiviti bermula dengan Program Chemomoi Dekat Di Hati bagi memberi peluang mahasiswa bermesra dan berkunjung

dari rumah ke rumah dan diikuti dengan *English-Camp* bersama hampir 100 pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Chemomoi untuk meningkatkan kefahaman dan keseronokan mempelajari subjek bahasa Inggeris.

Seterusnya pada sebelah malamnya pula diadakan Forum Bicara Addin anjuran bersama dengan radio IKIMfm yang menampilkan ahli panel yang terdiri daripada Ustazah Norhafizah Musa dan Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani, manakala moderator iaitu Hajjah Nik Hasnah Ismail yang merupakan Juruhebah di radio IKIM FM.

Manakala pada hari terakhir diadakan Kem English, Matematik dan Sains bersama 150 Pelajar Sekolah Menengah Felda Chemomoi.

Majlis perasmian penutup dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin. Hadir sama Pengarah Program, Hani Abdullah.

Dalam ucapannya, beliau berkata, UMP amat berbesar hati kerana berpeluang untuk menabur bakti seterusnya menjayakan program yang dilaksanakan.

“Dalam program ini mahasiswa UMP berpeluang bertemu dan bermesra dengan penduduk kampung. Program kesukarelawanan ini dapat memasyarakatkan UMP dengan masyarakat Felda Chemomoi,” kata Profesor Dr. Yuserrie yang pernah berkunjung ke Felda ini sebelum ini.

Tambah beliau, Felda Chemomoi banyak perubahan dan perbezaan dari segi pembangunan yang begitu pesat berbanding 30 tahun lalu.

Tambah beliau, pihak universiti sentiasa

